KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	07.02.22	MUKA SURAT	:	2
JABATAN	:	SEDA/YHM			

Ekspo 2020 Dubai berjaya tarik potensi pelaburan RM5.8b

Putrajaya: Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) berjaya mengusahakan potensi pelaburan dengan anggaran RM5.8 bilion ke Malaysia pada Minggu Ke-18 Ekspo 2020 Dubai yang disertainya, baru-baru ini.

Dalam satu kenyataan semalam, kementerian itu memaklumkan, ekspo minggu ke-18 dari 30 Januari hingga 5 Februari itu disertai agensi di bawah seliaannya, iaitu Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia dan Yayasan Hijau Malaysia (YHM) selaku agensi pelaksana yang menganjurkan program bertemakan tenaga mampan dan sumber asli.

Delegasi KeTSA turut disertai 13 syarikat tempatan dalam bidang tenaga dan sumber asli.

Daripada jumlah potensi pelaburan itu, sebanyak RM4.2 bilion adalah melalui dua memorandum persefahaman (MoU) di antara syarikat Gading Kencana Sdn Bhd (Gading Kencana) dengan syarikat March Global LLC dari Arab Saudi untuk pembangunan projek solar berskala besar di Asia Barat, Afrika dan rantau Asia.

Selain itu, MoU di antara syarikat Concord Renewable Energy Sdn Bhd (Concorde Renewable Energy) dengan Innio Jenbacher GMBH & CO OG dari Jerman yang akan membekalkan teknologi dan peralatan bagi pembangunan penjanaan loji jana kuasa biogas pula dijangka membabitkan pelaburan bernilai RM20 juta.

"Selebihnya, iaitu RM1.6 bilion diperoleh melalui 57 sesi padanan perniagaan di antara syarikat Malaysia yang menyertai delegasi KeTSA dengan syarikat asing yang turut menghadiri ekspo ini," menurut kementerian berkenaan.

Minggu ke-18 ekspo juga menyaksikan syarikat Concord Renewable Energy melancarkan *Concord Biogas Cube Srubber System*, iaitu sistem penjanaan tenaga daripada sumber biogas yang direka serta dihasilkan melalui inisiatif penyelidikan dan pembangunan syarikat itu sendiri yang berpotensi untuk diperluaskan ke negara lain.

Gading Kencana, Concorde Renewable Energy serta wakil industri dari Malaysia, iaitu PETRONAS turut menyertai sesi perkongsian maklumat mengenai potensi perniagaan dan peluang pelaburan, terutama dalam bidang tenaga lestari di Malaysia.

Delegasi KeTSA juga mengambil peluang membuat kunjungan rasmi ke Pavilion Emirates National Oil Company (ENOC) dan Dubai Electricity & Water Authority (DEWA) bagi berkongsi pandangan serta pengalaman mengenai strategi dan pelaksanaan usaha peralihan tenaga.